

## **ADAPTASI KEINDAHAN REKA BENTUK MOTIF TRADISIONAL MENERUSI SENI TEKAT BENANG EMAS**

*Adaptation The Beauty of Traditional Motif Designs Continuing The Art of Gold Thread Tickets*

***Harozila Ramli<sup>1</sup>, Tajul Shuhaizam Said<sup>2</sup>, Hazwan Chan Heng Aik<sup>3</sup>, Chee Mei Teng<sup>4</sup>,  
Muhammad Shakir Basri Tuah<sup>5</sup>***

*<sup>1,2,3,4,5</sup>Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
<sup>1</sup>harozila@fskik.upsi.edu.my*

**Published:** 26 June 2021

**To cite this article (APA):** Ramli, H., Said, T. S., Chan Heng Aik, H., Chee, M. T., & Tuah, M. S. B. (2021). Adaptasi keindahan rekabentuk Motif Tradisional menerusi Seni Tekat Benang Emas. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 31-40. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.4.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.4.2021>

### **ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan kepada keindahan motif-motif yang terdapat dalam kesenian tekat. Cetusan idea kajian ini adalah untuk memartabatkan motif-motif yang terdapat dalam seni tekat ke peringkat yang lebih tinggi dan memberi pendedahan kepada khalayak umum. Oleh itu, motif-motif yang telah diadaptasikan dalam seni tekat mampu memperlihatkan aras kreativiti menerusi cetusan kearifan lokal masyarakat setempat dalam mengolah idea motif-motif alam. Keunikan motif-motif yang terdapat dalam seni tekat benang emas diinspirasikan daripada komposisi rekaan coraknya yang meminjam rekabentuk yang bersumberkan kepada alam semula jadi yang terdapat di Malaysia. Perekaan reka corak motif tradisional menerusi seni tekat benang emas yang telah diaplikasikan pada kain baldu merupakan refleksi penghayatan keindahan, kekemasan dan kehalusan masyarakat dahulu dalam seni menekat. Jelaslah, dalam pengolahan sesuatu rekaan corak motif pada kesenian seni tekat memberi simbolik makna estetika yang tinggi dan mempunyai nilai keistimewaannya tersendiri. Kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes telah membuktikan bahawa keindahan kesenian seni tekat mampu bersaing dan setaraf dengan kesenian kraf yang lain seperti batik, anyaman dan sebagainya. Hal ini kerana masyarakat dahulu mampu mengadaptasikan secara kreatif pemilihan reka bentuk motif-motif tradisional menerusi alam dari aspek mereka corak dan dapat memvisualkan objek utiliti dengan seni tekat benang emas yang tinggi nilai estetikanya.

**Kata kunci:** Keindahan; reka bentuk; motif tradisional; seni tekat benang emas

### **ABSTRACT**

This study focuses on the beauty of the motifs found in tekat art. The idea behind this study is to dignify the motifs found in tekat art to a higher level and give exposure to the general public. Therefore, the motifs that have been adapted in tekat art are able to show a level of creativity through the outburst of local wisdom of the local community in developing the idea of natural motifs. The uniqueness of the motifs found in the art of gold thread weaving is inspired by the composition of its pattern designs that borrow designs sourced from nature found in Malaysia. The design of traditional motif patterns through the art of gold thread tying that has been applied to velvet cloth is a reflection of the appreciation of the beauty, neatness and delicacy of the ancient society in the art of tying. Clearly, in the processing of a motif design in the art of tekat art, it gives a high aesthetic symbolic meaning and has its own special value. Qualitative methods with a case study approach have proven that the beauty of tekat art can compete and be on par with other craft arts such as batik, weaving and so on. This is because the former community was able to creatively adapt the design selection of traditional motifs through nature from their aspect of patterns and were able to visualize utility objects with the art of gold thread cutting which has high aesthetic value.

**Keywords:** Beauty; shape; traditional motifs; gold thread art

### **PENGENALAN**

Seni tekat dikenali juga dengan nama bersuji atau sulaman. Menekak merupakan kemahiran hasil kerja tangan warisan yang dihiasi sulaman benang emas atau perak yang dijahit pada kain dasar baldu mengikut motif atau corak tertentu. Asal usul pembuatan dan penggunaan tekstil tekat dikatakan sama usianya dengan tekstil songket. Namun begitu, tekatan benang emas merupakan sesuatu sulaman yang paling popular terutama di negeri Perak iaitu daerah Kuala Kangsar. Daerah ini masih mengekalkan warisan seni tekat yang telah dipusakai turun-temurun. Seni tekat benang emas mementingkan kehalusan, kekemasan, dan ketelitian yang tinggi untuk menghasilkan seni tekat yang berkualiti dan eksklusif dengan sentuhan rekabentuk motif tradisional. Menurut sejarah, kehadiran dua mubaligh Islam dari Mekah Syed Ali dan Syed Abdul Manaf yang akhirnya menggantikan Adat Istiadat Gangga Negara kepada Adat Istiadat Melayu Perak. Sultan pertama Perak iaitu Sultan Muzaffar Shah I merupakan putera kepada keturunan terakhir Kesultanan Melayu Melaka iaitu Sultan Mahmud Shah yang ditabalkan pada tahun 1528. Menurut Siti Zainon, (2007, hlm. 60) di dalam *Craft and The Visual Arts*:

*During the Melaka sultanate (1400-1511), gold tread embroidery from china greatly influenced local craftspeople in term of decorative style's, material and techniques. Even after Melaka's fall to Portuguese in 1511, centre for the art of tekat flourished in Perak, Johor, Selangor and Pahang in the new courts that were established there.*

Penghijrahan keturunan Kesultanan Melaka ke negeri Perak secara tidak langsung turut melibatkan objek berfungsi tradisi golongan istana. Menurut sejarah, kraf tekat ini berasal daripada kemahiran tangan kaum peranakan Melaka dan turut dibawa kemahiran tekat ini bersama ke negeri Perak. Oleh yang demikian jelaslah bahawa sejarah awal tekat benang emas di Perak adalah sangat sinonim dengangolongan istana dan bangsawan yang terletak di daerah Kuala Kangsar. Asal nama Kuala Kangsar diambil daripada pokok kangsar yang tumbuh di tebing sungai. Terdapat juga versi yang mengatakan terdapat 90 anak sungai dan kurang satu kepada seratus, menjadikan sebutan Kuala Kurang Sa. Kuala Kangsar ditadbir oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan terdiri daripada sembilan mukim iaitu Mukim Kota Lama Kiri, Mukim Kota Lama Kanan, Mukim Lubok Merbau, Mukim Chegar Galah, Mukim Kampung Buania dan Mukim Pulau Kemiri. Daerah ini juga terkenal sebagai Kawasan pelancongan yang mempunyai produk-produk tempatan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selain aktiviti pertanian sebagai aktiviti ekonomi utama.



**Peta 1:** Kuala Kangsar, Perak

Kampung Padang Changkat berada lebih kurang 4 kilometer dari bandar Kuala Kangsar. Kampung tersebut berada dalam mukim Sayong yang turut terkenal dengan kraf tembikar. Kampung ini terletak di belakang Istana Iskandariah, Bukit Chandan. Hanya terdapat satu jalan masuk ke perkampungan ini setelah membuat separuh pusingan mengelilingi istana. Kampung ini dipercayai mempunyai kaitan dengan keturunan Daeng Selili melalui makam Maharaja Pancung Tak Bertanya, moyang kepada Datuk Maharajalela yang terletak Kampung Padang Changkat.



**Gambar 1:** Kampung Padang Cangkat, Kuala Kangsar

Kampung Padang Changkat ini terkenal dengan seni tekat yang diusahakan oleh Hajah Azizah Mohamad Yusof. Beliau dilahirkan pada 28 Januari 1938 di Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak. Beliau merupakan seorang penggiat dan pencinta seni kraf tanah air. Beliau sangat popular serta mahir dalam seni tekat benang emas. Beliau mewarisi kemahiran daripada ibunya sejak kecil lagi dan merupakan warisan keluarga sejak turun-temurun. Beliau kini menumpukan sepenuh masa dalam perusahaan menekat sehingga beliau mampu memartabatkan warisan seni tekat hingga ke serata negara.



**Gambar 2:** Puan Hajah Azizah Mohamad Yusof

Puan Azizah sering dijemput untuk menyertai pameran, jualan dan karnival serta membuat demonstrasi sama ada di dalam atau luar negara. Beliau pernah menyertai pameran di Muzium Ipoh, Perak, pameran sempena perasmian Bukit Cahata Seri Alam, Selangor, Jualan dan Ekspo Pulau Pinang dan sempena pembukaan Muzium Pasir Salak, Perak pada tahun 1990. Beliau juga telah membawa nama Malaysia pada peringkat antarabangsa melalui penglibatannya dalam Ekspo Malaysia di Tokyo, Jepun pada tahun 1984 anjuran Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dan penyertaan di Pameran dan Jualan Karnival di Singapura.

Kegigihan Puan Hajah Azizah dalam memartabatkan seni tekstil tekat telah menunjukkan kejayaan dan popular sehingga sering menerima tempahan dari dalam dan luar negara khususnya daripada individu, agensi jabatan kerajaan. Tempahan juga turut diterima dari negara Brunei Darul Salam. Kejayaan yang telah dibuktikan oleh Puan Hajah Azizah dalam seni tekstil tekat telah mengangkat beliau sebagai

Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM). Beliau juga memberi tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan sepenuhnya kepada anak-anak beliau supaya seni tekak ini tidak tenggelam dalam arus kemodenan agar tak lapuk di hujan, tak lekang di panas. Beliau juga telah menubuhkan kedai khas iaitu Gesamas Sdn. Bhd. pada tahun 1986 untuk menjual barangan seperti cenderamata, jahitan dan kraf dengan tujuan penubuhan kedai ini adalah untuk mengendalikannya tempahan dan pemasaran barangan tekatan sulaman benang emas.

Seni tekak warisan tradisional ini harus diangkat seiring seni kraf lain yang terdapat di Malaysia seperti tembikar, ukiran, batik, anyaman dan sebagainya. Hal ini demikian kerana seni sulaman ini sudah suram dimamah usia sehingga dilupakan oleh generasi muda. Walau bagaimanapun, seni tekak ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi motif ataupun reka corak yang menampilkan keindahan sehinggalah mempunyai nilai estetik yang tinggi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menjurus kepada pendekatan kajian kes. Pendekatan kajian kes akan memperincikan lagi mengenai motif-motif tradisional yang terdapat dalam seni tekak berdasarkan sumber alam dan pengolahan ragam hias motif ini juga akan digunakan dalam penghasilan seni tekak. Kajian ini memfokuskan kepada lapan sampel utama iaitu lima motif flora, satu motif fauna, satu motif geometri dan satu motif alam kosmos dalam menganalisis adaptasi keindahan reka bentuk motif tradisional menerusi elemen dan prinsip rekaan. Instrumen kajian ini pula berdasarkan pemerhatian, kajian lapangan, temu bual dan analisis artifak. Penyelidikan bersifat kualitatif akan dinilai secara induktif. Pengumpulan data pula berdasarkan situasi yang sebenar iaitu penyelidik terlibat dalam kerja lapangan yang dilakukan secara pemerhatian serta merekod dalam situasi yang sebenar. Kajian ini memberi fokus kepada makna, dan dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif supaya penyelidikan ini dapat menarik perhatian pembaca.

## **DAPATAN/ PERBINCANGAN**







Keindahan ialah pandangan persepsi tentang sesuatu objek yang cantik sehingga wujudnya keseimbangan dan harmoni dengan alam sekitar serta membawa kepada sifat tarikan dan kesejahteraan emosi manusia. Namun begitu, naluri ini menurut Mohd Affandi Hassan (1996), keindahan merupakan sifat semula jadi manusia sesuai dengan bentuk kejadiannya yang sempurna dan terbaik susunannya. Dalam masa yang sama, batasan keindahan pada umumnya terdapat dua kelompok, iaitu objektif dan subjektif. Objektif ialah keindahan yang dapat dilihat, dirasakan dan nyata, manakala keindahan subjektif adalah subjek yang tidak dapat dilihat, namun dapat dirasai oleh hati. Menurut Herbert Read (1946), keindahan ialah sesuatu kesatuan hubungan yang formal daripada pengamatan yang dapat menimbulkan rasa senang (*Beauty is unity of form relation among our sense perceptions*). Dalam konteks seni tekstil pula, konsep keindahan merupakan sesuatu yang positif dan melibatkan perasaan seseorang individu secara optimum sehingga menzahirkan suatu kepuasan yang dicapai melalui apresiasi, persepsi, interpretasi, dan proses penghasilan dan penilaian seni. Oleh itu, seni tekstil sangat berkait rapat dengan keindahan dan estetika itu tersendiri kerana dapat menghasilkan kraftangan yang mempunyai nilai estetik yang tinggi dan tidak boleh lari dari membicarakan hiasan atau dekorasinya. Jelaslah, seni tekstil Melayu seperti tekak, batik, anyaman, songket, tenunan dan sebagainya sangat menitikberatkan keindahan dalam menghasilkan sesuatu kraf.

Keindahan dalam sesuatu motif tradisional merupakan ragam hias corak permukaan fabrik yang berfungsi untuk mengindah, mencantikkan dan menambah nilai pada sesuatu permukaan fabrik. Motif yang menghasilkan corak itu mempunyai pengaruh yang begitu penting bagi menentukan ciri dan fungsi sesuatu tekstil. Corak-corak ini biasanya akan disusun secara melintang, menegak, dan menyerong mengikut kesesuaian penggunaan corak yang diadaptasikan atas permukaan fabrik. Penghasilan reka corak seni tekak mengutamakan motif secara realistik pada permukaan fabrik yang







mengimplementasikan sumber idea dari alam semula jadi yang mengutamakan keaslian. Sememangnya, kreativiti penekak dalam mengolah sesuatu motif asal alam semula jadi ke bentuk lakaran reka corak menimbulkan keindahan seni tekat ini.







Walau bagaimanapun, reka corak yang dipermudah atau diringkaskan menjadi seni tekat mempunyai nilai keindahan dan estetik yang tinggi berbanding rupa bentuknya yang rumit. Dua faktor penting dalam kekuatan seni tekat ialah pada rekaan bentuk dan mempulur supaya rekaan ragam hias terbentuk dengan sempurna. Contohnya kekuatan mempulur menghasilkan reka bentuk kesan jalinan teknik menyulam benang emas hingga menimbulkan nilai estetik pada seni kraf tekat. Oleh itu, kekuatan darisegi reka bentuk, mempulur, teknik dan sebagainya menjadikan seni kraf tekat ini mempunyai identiti dan keistimewaannya tersendiri dalam seni tekstil. Malah, kebanyakan motif seni tekat lebih mengutamakan motif flora dalam penghasilan sesuatu produk berbanding motif fauna, geometri dan sebagainya kerana sumber motif flora mudah diperolehi dan sangat popular dalam kalangan pereka senitekat.







**Jadual 1:** Penerangan unsur alaman dan motif lakaran

Unsur Alam	Lakaran	Produk	Penerangan
 Bunga Kekwa			Bunga Kekwa atau nama saintifiknya <i>Chrysanthemum</i> juga dikenali sebagai bunga herba sejak abad ke-15. Bunga kekwa berasal dari Asia dan Timur Laut Eropah. Bunga ini ditaman di kawasan tinggi dan bersuhu sejuk, mempunyai pelbagai kombinasi warna terang, gelap dan memiliki keunikan tersendiri serta menarik perhatian ramai sehingga dijadikan sumber idea motif flora seni tekat. Dalam rekaan seni tekat, penekak menggunakan cara tradisional iaitu tekat timbul benang emas dalam penghasilan motif bunga kekwa yang telah digunakan pada sesuatu kraftangan seperti bantal, kotak perhiasan dan sebagainya. Jelaslah, bunga kekwa ini dijadikan panduan masyarakat dahulu dalam menghasilkan seni tekat. Hal ini kerana, motif bunga kekwa menampilkan keindahan dan mempunyai nilai estetik yang tinggi apabila digayakan dalam sesuatu kraftangan mahupun produk.
 Bunga Cengkih			Bunga cengkih atau nama saintifiknya <i>Syzygium aromaticum</i> atau <i>Eugenia aromatica</i> adalah dari kumpulan herba atau rempah ratus yang mempunyai banyak manfaat dan terkenal sejak zaman dulu. Selalunya, bunga cengkih ini digunakan dalam masakan Melayu kerana mempunyai aroma yang unik. Masyarakat dahulu mengadaptasi motif bunga cengkih sebagai motif flora dalam seni tekat. Seni tekat motif bunga cengkih menggunakan teknik tekat timbul benang emas kerana ia lebih menonjolkan kehalusan, ketelitian dan kekemasan dalam penghasilan sesuatu produk. Kebiasaannya, reka corak motif ini digunakan dalam penghasilan kraftangan.



 <p>Bunga Padi</p>			<p>Padi (<i>Oryza sativa</i>) merupakan satu daripada tanaman bijirin dan makanan harian bagi masyarakat dunia. Hal ini kerana padi ialah keperluan asas bagi manusia. Padi paling banyak ditanam kerana dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Padi juga memerlukan penggunaan air dan baja yang banyak serta perlu ditanam dengan cara yang teratur.</p> <p>Kebiasaannya, penanaman padi terkenal di kawasan Sungai Muda dan Sungai Merbok di negeri Kedah yang bermula pada abad ke-10. Cukup menarik juga, pereka seni tekat telah melakukan kreativiti dan inovasi yang telah diadaptasikan motif bunga padi sebagai ragam hias dalam sesuatu seni kraftangan tekat. Oleh itu, motif bunga padi juga telah menyinarkan lagi industri seni kraf tekat di Malaysia. Motif ini sering digunakan oleh kerabat diraja, pembesar-pembesar negeri dan kalangan masyarakat seperti kipas tangan, bantal, baju dan sebagainya.</p>
 <p>Bunga Orkid</p>			<p>Bunga Orkid (<i>Orchidaceae</i>) ialah famili terbesar pohon berbunga <i>Angiosperma</i>. Orkid merupakan bunga kebangsaan bagi negara Singapura dan sejenis tumbuhan berbunga yang sering ditanam sebagai pokok hiasan dan mempunyai keistimewaannya tersendiri. Bunga orkid ini juga mempunyai kombinasi warna yang menarik sehingga dapat menceriakan persekitaran. Tambahan pula, dalam menghasilkan sesuatu kraftangan tekat yang halus dan berseni memerlukan proses agak lama untuk menyiapkannya. Namun, pemilihan motif flora orkid ini oleh masyarakat Melayu dahulu adalah tepat kerana bentuk ragam hiasnya tidak begitu rumit. Malah, teknik tekat timbul benangemas yang diaplikasikan sehingga motif ini sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu kerana tidak memerlukan belanja yang tinggi.</p>

 <p>Daun Sirih</p>			<p>Daun sirih atau nama saintifiknya <i>Piper betle</i> ialah sejenis pokok yang menjalar dan juga merupakan satu bahan penting dalam kebudayaan Melayu. Pokok ini berasal dari Malaysia dan kini turut dijumpai di India, Indonesia dan Sri Lanka. Namun begitu, daun sirih ini juga berperanan penting dalam adat perkahwinan dan perubatan Melayutradisional. Hal ini demikian kerana, daun sirih mudah dijumpai dan banyak ditanam di halaman rumah di kampung. Daun sirih berwarna hijau gelap dan bersaiz kira-kira 15 sentimeter panjang dan 10 sentimeter lebar. Sirih juga mudah didapati di pasar, terutamanya di kawasan pedalaman. Hal ini demikian kerana, daun sirih merupakan tumbuhan yang lembut dan mudah diubahsuai dari segi bentuknya.</p> <p>Selalunya, tumbuh-tumbuhan menjalar menjadi pilihan utama pereka dalam reka corak ragam hias. Motif tekat daun sirih yang sering digunakan pada permukaan beg tangan dapat menampilkan identiti seseorang pengguna. Kreativiti seseorang pereka seni tekat sangat mempengaruhi reka letak dan pemilihan motif yang tepat seperti motif daun sirih mampu menjadikan sesuatu pengkaryaan seni tekat lebih fleksibel dan pratikal sehinggakan mampu menjadikan ruang, fungsi dan estetika ke dalam reka bentuk.</p>
 <p>Rama-rama</p>			<p>Rama-rama (<i>moth</i>) sejenis serangga naturalis yang aktif pada waktu malam dan berada di tempat yang mempunyai cahaya lampu. Dalam seni tekat, inovasi dalam motif fauna telah mengubah bentuk asalnya supaya tidak kelihatan naturalistik. Menurut Haziyah Husain (2006), kedatangan Islam telah mengubah pegangan orang Melayu daripada kepercayaan Hindu kepada penyesuaian dengan nilai Islam dan bentuk-bentuk motif Islam sendiri yang dihasilkan tidak bercanggah dengan akidah. Pereka seni tekat juga telah menunjukkan kreativiti dalam pengkaryaan sesuatu produk supaya melakukan pembaharuan reka corak dari segi ragam hiasnya. Hal ini demikian kerana, motif fauna juga mempunyai nilai estetika dan keistimewaannya tersendiri. Sebagai contoh, motif rama-rama juga boleh menyinarkan lagi rekaan baharu bagi sesuatu perekaan dalam penghasilan kraf.</p>

<p>'s' berganda dan keluk</p>			<p>Motif geometri dalam seni tekat adalah lebih ringkas iaitu mempunyai bentuk yang kompleks dan lebih mudah dalam proses penghasilannya. Hal ini demikian kerana ragamhias motif geometri tidak terikat dan kebanyakannya lebih menggabungkan bentuk garis atau garisan iaitu tanpa memperlihatkan realiti bentuk daripada unsur-unsur alam berbanding motif flora dan fauna. Antara motif geometri yang popular ialah segi tiga pucuk rebung, segi empat, garisan lurus, gandaan huruf 'S' dan sebagainya. Rupa geometri ialah rupa yang mempunyai sudut seperti bulatan, tiga segi, empat segi dan lain-lain rupa yang bersudut. Ragam hias geometri ialah bentuk dasar hiasan yang pada umumnya diulang-ulang sehinggalah menjadi pola tertentu dalam suatu produk kesenian. Dari segi komposisi, motif geometri lebih sederhana iaitu banyak menggunakan elemen garisan, titik, garisan putus-putus yang telah diadaptasi dalam bentuk horizontal dan menegak pada permukaan objek. Sebagai contoh, penekak menggunakan motif geometri ini telah menghasilkan pembaharuan dan inovasi dari segi rekaan coraknya yang kelihatan baharu dalam seni tekstil tekat. Pergabungan antara unsur garisan telah menjadikan susunan ragam hias geometri yang baharu seperti 's' berganda dan keluk sehinggalah motif ini mampu menarik penggemar tekat serta popular.</p>
<p>Awan Larat</p>  <p>Seni ukiran</p>  <p>Seni batik</p>	 <p>Seni tekat</p>		<p>Awan larat diilhamkan dari alam iaitu awan yang berarak apabila ditiup angin. Pendapat ini telah disokong oleh Siti Zainon Ismail (1995) dari segi etimologi, istilah awan larat diambil langsung daripada perkataan asal awan iaitu awan yang wujud sebagai unsur dalam persekitaran. Namun begitu, kepelbagaian bentuk motif awan larat turut terdapat dalam pelbagai jenis kraf tradisional.</p> <p>Motif corak awan larat dari segi digunakan dalam penghasilan seni tekat. Hal ini demikian kerana awan larat merupakan motif atau ragam hiasnya lebih kompleks. Kebiasaannya motif ini adalah untuk menambah nilai keindahan dalam sesuatu kraf seperti ukiran kayu, batik, tembikar dan sebagainya. Oleh itu, ragam hias ini telah memberikan nafas baharu dalam seni kraf kerana motif ini mempunyai keistimewaannya tersendiri sehinggalah</p>



			<p>rekaan coraknya lebih unik dan terhad. Motif ini telah lama wujud dan selalu digunakan dalam kalangan orang Melayu sebelum kedatangan Islam lagi.</p> <p>Penghasilan motif awan larat dalam seni tekat telah dihasilkan berdasarkan penghayatan pereka seni tekat terhadap awan yang sentiasa bergerak dan melarat sehingga mewujudkan satu motif rekaan yang baharu seakan rekaan tersebut berpanjangan dan berkesinambungan. Ragam hias awan larat ini disusun secara berkeluk dan berkerawang sehingga mewujudkan imbangan simetri dalam rekaan corak pada permukaan baldi. Awan larat juga menepati seluruh ruang iaitu menyusun ragam hiasnya secara berulang, berdampingan dan berhubungan. Tambahan pula, motif awan larat ini sering didapati pada produk seperti bantal, sejadah dan sebagainya.</p>
--	--	--	--

Kesimpulannya keseluruhan motif tekat yang telah disenaraikan di atas ialah motif yang sering digunakan oleh Puan Hajah Azizah dalam penghasilan produk. Hal ini demikian kerana hasil kerja tangan beliau dalam mempelbagaikan bentuk motif dari segi komposisi, bahan dan teknik telah menjadikan seni tekat ini lebih diminati serta terkenal di Malaysia mahupun di luar negara. Teknik yang sering dilakukan oleh beliau ialah tekat timbul benang emas dan tekat gubah dalam pembuatan seni menekat kerana ia teknik ini lebih menonjol berbanding cara moden iaitu menggunakan mesin berkomputer. Beliau masih mengekalkan cara tradisional iaitu secara manual kerana warisan ini mendapat sambutan dalam kalangan penggemar tekat kerana lebih kemas, halus, cantik dan berseni dalam pembuatannya.

## **RUMUSAN**

Seni tekat ini telah tersebar dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi, namun begitu masyarakat perlulah memelihara dan mengusahakan satu cara yang mampu mengekalkan seni warisan kraf tekat ini agar kekal. Antaranya, masyarakat perlulah memperkenalkan dengan lebih mendalam mengenai keunikan seni tekat ini. Secara tidak langsung akan meningkatkan perkembangan penggunaan ini kepada tahap yang lebih tinggi. Lebih-lebih lagi, seni tekat ini harus diberikan pendedahan kepada generasi kini yang kurang mendapat pendedahan tentang seni tekat selain mengkaji serba sedikit sejarah seni tekat serta motif-motif tekat dulu dan kini.

Makna-makna estetika yang terdapat pada motif-motif dalam seni tekat Adiguru Hajah Azizah mampu memperkenalkan seni ini di Malaysia mahupun secara universal. Hal ini demikian kerana keindahan motif-motif ini bersumberkan alam yang mempunyai makna secara konotatif dan denotatif. Motif-motif seni tekat oleh Adiguru Hajah Azizah ini jelaslah diambil sepenuhnya daripada alam semula jadi. Selain itu, keunikan seni tekat beliau yang terdapat pada reka corak mampu mencetuskan sesuatu kelainan dalam penghasilan tekat di alam Melayu. Oleh itu, motif alam ini telah menjadi sumber ilham kepada beliau untuk mengubah suai dan memproses secara visual agar motif tersebut boleh dijadikan motif

yang indah. Motif seni tekat yang indah adalah dari segi susun atur, kekemasan, kehalusan, dan ketelitian. Sehubungan itu, motif seni tekat yang meluas pada masa kini tidak mendatangkan sebarang kemudatan kerana beliau masih memelihara keaslian dan ketelitian yang dibuat agar mampu mengangkat martabat seni tekat kraft. Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa pelbagai motif atau corak boleh dipelbagaikan tanpa mencacatkan nilai estetikanya dalam seni tekat malah ia mengindahkannya ke suatu kraftangan.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas bantuan kewangan yang diberikan bagi geran Penyelidikan Peradaban dan Warisan Melayu kod: (2021-0013-106-01). Terima kasih buat rakan penyelidik Profesor Dr. Tajul Shuhaizam bin Said dan pembantu penyelidik Chee Mei Teng, Muhammad Shakir Basri bin Tuah dan Hazwan bin Chan Heng Aik.

## **RUJUKAN**

- Abd. Rasid Ismail. (2014). *Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi*. Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Abdullah Yusuf, Mohd Nor, Mohd Roslan & Abdul Hamid, Faisal @ Ahmad Faisal. (2011). Islamic art. World Congress for Islamic History and Civilization, 10-11 Oktober 2011.
- Arba'iyah Ab. Aziz. (2018). *Simbolisme dalam motif songket Melayu Terengganu*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrai Hj. Abdullah. (2018). *My Journey Into Perak: Mining the state history*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Perak, Siri Sejarah Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haziyah Hussin. (2006). *Motif alam dalam batik dan songket Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Herbert Read. (1946). *The Meaning of Art*. Faber.
- Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Simbolisme dalam seni bina Melayu Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Asyikin Mat Hayin. (2017, Ogos). Dimuat turun daripada: <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/08/252547/tangan-emas-nenek>
- Norwani Md. Nawawi. (2016). *Ikat Limar: The Ancient Malay Textile*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode edisi kedua*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paul, J., Kleinhammer, J., & Fowler, Kathleen. (2009). *Qualitative Research Methods*. Love Publishing Company.
- Siti Zainon Ismail. (1995). *Getaran Jalur dan Warna*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail. (2018). *Reka bentuk kraf tangan Melayu tradisi*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhana Sarkawi. (2017). Jejak Sulaman Kelingkan di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 28:88-209.
- Syed Ahmad Jamal. ed. (2007). *The Encyclopedia of Malaysia, Volume 14, Craft and The Visual Arts*, (Siti Zainon Ismail (ed.) in Textiles and Embroidery). Archipelago Press.